

Liabiliti Jenayah Korporat di Malaysia Mengikut Perspektif Tadbir Urus Korporat (Corporate Criminal Liability from a Corporate Governance Perspective)

Hasani Mohd Ali
(Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRACT

Syarikat sebagai personaliti undang-undang yang berasingan adalah bertanggungjawab dalam kes-kes jenayah selain daripada kes-kes sivil seperti melibatkan pelanggaran kontrak atau terbuka kepada liabiliti yang bersifat tort. Diakui masih terdapat masalah bersifat konseptual dan amalan dalam penerimaan pakai konsep ini. Terdapat dua kaedah utama liabiliti boleh disabitkan kepada syarikat; melalui liabiliti vikarius dan prinsip identifikasi. Selain itu, statut juga boleh mengenakan liabiliti secara terus ke atas syarikat tanpa bersandarkan prinsip-prinsip common law ini. Liabiliti jenayah korporat akan menjadikan syarikat lebih berhati-hati dalam menjalankan urusan seharian mereka untuk mengelakkan risiko pendakwaan. Malahan, terdapat liabiliti tertentu yang hanya boleh dikenakan kepada syarikat sebagai sebuah organisasi tanpa mengaitkan dengan mana-mana pengarahnya. Berdasarkan kupasan kes dan amalannya di Malaysia, dan perbandingan dengan kedudukan di United Kingdom dan Australia, adalah disarankan agar konsep liabiliti korporat diberikan perhatian serius untuk dikembangkan menjadi lebih berperanan demi meningkatkan tadbir urus korporat yang baik di Malaysia.

Kata kunci: Tanggungan jenayah; tadbir urus korporat; prinsip identifikasi; vikarius liabiliti; tanggungjawab korporat

ABSTRAK

A company as a separate legal personality is liable in criminal cases as well as civil cases such as breach of contract or open to tort liability. It is acknowledged that there are still conceptual and practical issues in adopting this concept. There are two main methods of liability where company may be convicted; through vicarious liability and identification principles. In addition, statutes may also impose liability directly to a company without applying the common law principles. Corporate criminal liability will make the company more cautious in conducting their daily business to avoid the risk of prosecution. In fact, there are certain liabilities that can only be imposed on the company as an organisation without associating with any of its directors. Based on the case study and practice in Malaysia, and comparisons with the position in the United Kingdom and Australia; it is recommended that the concept of corporate liability be taken seriously to be developed in enhancing its role to increase good corporate governance in Malaysia.

Keywords: Criminal liability; corporate governance; identification principle; vicarious liability; corporate responsibility

PENGENALAN

Hakikat bahawa sebuah syarikat boleh melakukan jenayah adalah kesan munasabah susulan daripada pengiktirafan bahawa sebuah personaliti korporat atau syarikat ialah entiti undang-undang yang berasingan. Kes *Salomon Iwn Salomon & Co.* [1897] AC 22 telah mengesahkan konsep entiti berasingan. Konsep ini termaktub secara berkanun di bawah seksyen 20 Akta Syarikat Malaysia 2016. Liabiliti syarikat bukan sahaja terbatas kepada liabiliti sivil justeru turut merangkumi liabiliti jenayah bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat. Walau bagaimanapun, dari segi undang-undang kesukaran timbul dalam mengenal pasti orang sebenar yang boleh dianggap mewakili minda mengarah personaliti korporat itu, iaitu elemen penting yang membolehkan suatu sabitan jenayah. Selalunya lembaga pengarah atau pengurus akan dianggap bertindak mewakili personaliti korporat sebagai sebuah personaliti rekaan undang-undang. Tetapi, tidak semua perbuatan jenayah yang dikaitkan dengan personaliti korporat

mempunyai hubungan langsung dengan tindakan lembaga pengarah atau pengurus.

Bolehkah syarikat dikenakan liabiliti jenayah bagi suatu kesalahan? Kedudukan asal, seperti yang ditetapkan dalam petikan berikut dari Halsbury (1954) yang telah dipetik oleh Mahkamah Tinggi kemudian diikuti oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Yue Sang Cheong* [1973] 2 MLJ. 77. menyebut:

“Sebuah syarikat tidak boleh melakukan apa-apa kesalahan jenayah yang dengan sifat mereka, hanya boleh dilakukan oleh orang biasa (seperti bigami) atau orang-orang yang tidak boleh diwakili (seperti sumpah palsu). Sebuah syarikat tidak boleh didakwa bagi jenayah yang hukumannya hanya hukuman mati atau penjara. Selain daripada apa-apa kecualian, sebuah syarikat boleh melakukan kedua-dua kesalahan di bawah undang-undang berkanun dan *common law*, walaupun yang kedua melibatkan *mens rea*. Syarikat itu hanya boleh melakukan jenayah oleh ejen-ejen, yang mana mereka perlu bertanggungjawab bagi jenayah itu, dan ia adalah satu soalan dalam setiap kes sama ada tindakan ejen itu, termasuk keadaan akal fikirannya, adalah tindakan syarikat itu.”

Artikel ini akan menjelaskan mengenai konsep tanggungan jenayah korporat di Malaysia. Pengenaan suatu liabiliti jenayah selalunya bertujuan untuk menghukum dan seterusnya mencegah kesalahan yang sama dilakukan oleh pesalah atau orang lain pada masa hadapan. Selain itu, terdapat hujah yang menyatakan bahawa liabiliti jenayah adalah perlu untuk memelihara kepentingan awam. Di bawah undang-undang, terdapat dua kaedah utama untuk mengenakan liabiliti jenayah ke atas personaliti korporat. Liabiliti vikarius (*vicarious liability*) dan teori minda mengarah telah mengalami perkembangan yang paling ketara yang berkaitan dengan penerimaan pakai konsep ini. Rujukan kes-kes *common law* dan yang seumpama terutama dari United Kingdom (UK) dan Australia juga akan dibuat sebagai rujukan berpengaruh. Selain itu, literatur berkaitan konsep jenayah korporat dari Amerika juga akan dilihat untuk memberikan gambaran penerimaannya dan masalah yang timbul dari segi konsep dan amalan. (Hasani 2009).

LIABILITI JENAYAH DAN TADBIR URUS KORPORAT

Konsep liabiliti jenayah korporat mempunyai kaitan langsung dalam meningkatkan tadbir urus korporat. Sebagai contoh, hubung kait ini ada dijelaskan oleh Belcher (2002) berhubung dengan pengenalan konsep jenayah pembunuhan korporat di UK, iaitu pengembangan kepada konsep sedia ada berkaitan liabiliti jenayah korporat. Syarikat, mengikut undang-undang yang berkaitan di UK (lihat perbincangan di bawah) boleh didakwa sebagai pembunuh. Pembunuhan korporat adalah sebahagian daripada “kegagalan pengurusan” dan risiko berkaitan perlu dielakkan oleh syarikat. Risiko itu timbul apabila operasi syarikat akan menyebabkan kematian mana-mana pekerja atau orang awam mengikut undang-undang dan syarikat akan didakwa disebabkan kesalahan menyebabkan kematian itu. Pengenaan jenayah korporat dengan itu boleh meningkatkan tadbir urus korporat agar syarikat lebih berhati-hati dalam menjalankan operasi mereka. Dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (Securities Commission 2017), “Prinsip B” menjelaskan bahawa pengurusan risiko adalah penting dalam tadbir urus korporat kerana antara lain syarikat dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat berkaitan sejauh mana syarikat bersedia untuk mengambil risiko dalam operasinya. Risiko tanggungan jenayah oleh syarikat adalah salah satu risiko yang perlu dipertimbangkan dengan sebaiknya seperti berhubung dengan keselamatan pekerjaan, pelanggaran undang-undang alam sekitar dan sebagainya. Mengikut “Prinsip B” lagi, kewujudan sistem kawalan dalaman pula akan mengurus risiko dan akan dianggap sebagai sebahagian budaya kerja syarikat (Securities Commission 2017). Oleh itu, dengan menerima pakai prinsip tadbir urus korporat ini, risiko bahawa syarikat berkemungkinan akan menanggung liabiliti jenayah melalui operasinya perlu diuruskan dengan baik oleh syarikat dan pada masa yang sama akan dapat

meningkatkan kepertanggungjawaban korporat secara keseluruhan.

LIABILITI VIKARIUS

Mengikut teori ini, personaliti korporat adalah bertanggungjawab terhadap perbuatan jenayah yang dilakukan oleh ejen jika perbuatan itu dilakukan dalam skop aktiviti korporat.

Persoalannya, adakah liabiliti vikarius yang merupakan pendekatan yang digunakan dalam kes sivil boleh juga terpakai dalam kes-kes jenayah (Bharara 2007). Jenayah memerlukan *mens rea* di samping *actus reus* di pihak orang yang kena tuduh, yang mustahil bagi suatu abstraksi seperti sebuah personaliti korporat untuk memilikinya. Doktrin liabiliti vikarius tidak mendapat sokongan mahkamah mengikut *common law*. Hakim Raymond dalam kes *R lwn Huggins* [1730] 2 Ld Raym. 1574; [1730] 2 Stra 883; 92 ER. 518 telah menyatakan:

Adalah perkara yang tidak boleh dipertikaikan bahawa dalam kes jenayah prinsipal tidak bertanggungjawab kepada tindakan wakilnya, sebagaimana dia menjadi bertanggungjawab dalam kes-kes sivil; mereka mesti menjawab untuk setiap tindakan masing-masing, dan bangun atau jatuhnya mereka adalah disebabkan oleh tingkah laku masing-masing.

Walau bagaimanapun, bibit-bibit penerimaan idea menjadikan liabiliti vikarius untuk tujuan mengenakan liabiliti jenayah kepada personaliti korporat mula dilihat semenjak akhir abad ke-18 khususnya melalui kes-kes seperti *Chilsholm lwn Doultan* [1889] 22 QBD 736; *Coppen lwn Moore (No. 2)* [1898] 2 QB 306; *Nonds lwn Evans* [1888] 21 QBD 249 dan *Hobbs lwn Winchester Corporation* [1910] 2 KB 471.

Menurut pendekatan yang menerima pakai liabiliti vikarius, liabiliti bersifat jenayah boleh timbul apabila jenayah itu dilakukan dalam skop aktiviti korporat. Personaliti korporat itu secara vikarius bertanggungjawab ke atas tindakan ejennya untuk jenayah yang dilakukannya. Selalunya jenayah itu terhasil sama ada melalui tindakan melulu atau disebabkan kecuaiian. Lihat *Birmingham & Gloucester Railway Co* [1842] 3 QB 223; 114 ER 492 iaitu syarikat yang didakwa kerana penghinaan mahkamah.

Perkembangan undang-undang mengenai teori pengenaan liabiliti jenayah ini menunjukkan pengaruh aplikasi teori vikarius seperti mana yang diterima pakai di bawah undang-undang tort ketika mengenakan liabiliti sivil terhadap orang biasa. *Tesco Stores Ltd lwn Brent LBC* [1993] 2 All ER 718 ialah antara kes yang mengaplikasikan teori ini. Kes ini melibatkan seorang pekerja syarikat yang menjual rakaman video kepada seorang yang di bawah umur yang terjumlah sebagai pelanggaran Akta Video Rakaman 1984 (*Video Recordings Act 1984*) di England. Dalam pembelaan, defendan diminta untuk menunjukkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu berada pada umur dewasa. Untuk kes ini, pekerja itu didapati tidak bersalah. Mahkamah (Bahagian Queens Bench) mendapati

pernyataan dan niat undang-undang secara jelas bermaksud untuk ditujukan kepada juruwang sebagai ejen dan bukannya syarikat itu sendiri. Teori minda mengarah telah tidak digunakan. Ini bermakna kes asal *Tesco* [1971] 2 All ER. 127 yang menggunakan teori minda mengarah telah dibezakan. Terdapat pelbagai kes yang mengaplikasikan teori ini, contohnya, *Chisholm lwn Doultton* (1889) LR 22 QBD 736; *Birmingham lwn Gloucester Railway Co* (1842) 3 QB 223; *Great North England Railway Co* (1846) 9 QB 315; *Seaboard Offshore Ltd lwn Secretary of State for Transport* [1994] 1 WLR 54; dan *Tesco Stores lwn Brent London Borough Council* [1993] 2 All ER 718.

Sering kali dilihat menerusi penghakiman kes-kes berkaitan, mahkamah enggan menerima pemakaian konsep ini bagi jenayah berat seperti membunuh. Dalam kes *R lwn HM Coroner For East Kent ex p Spooner* (1989) 88Cr App R 10, Bingham LJ menyatakan bahawa syarikat boleh menjadi bertanggungjawab secara vikarius untuk tindakan kecuiaan atau tinggalkan pekerja atau ejen-ejennya. Walau bagaimanapun, bagi syarikat untuk bertanggungjawab secara jenayah ke atas pembunuhan, *mens rea* dan *actus reus* pembunuhan mesti diwujudkan, bukan terhadap mereka yang bertindak bagi atau nama syarikat tetapi terhadap orang-orang yang dikenal pasti sebagai penjelmaan syarikat sendiri. Dalam kes *British Steel Plc* [1995] ICR 586, syarikat defendan telah dituduh kerana gagal menjamin keselamatan penggunaan kren akibat platform yang diguna tidak terikat dengan betul sehingga menyebabkan kematian. Kesalahan adalah di bawah UK Health and Safety at Work Act 1974. Mahkamah telah menggunakan teori kegagalan sistem iaitu kegagalan di pihak pengurusan melaksanakan tugas berhati-hati sehingga menyebabkan kematian pekerja. Pendekatan kegagalan sistem dalam *British Steel* ini telah dirujuk dalam kes *Seaboard Offshore Ltd lwn Secretary of State for Transport* [1994] 1 WLR 541, tetapi ditolak oleh House of Lords. Dalam perbicaraan awal, syarikat telah didapati bersalah menyebabkan kematian orang di bawah seksyen 31 Merchant Shipping Act 1988 kerana tindakan pengurusan yang mengehadkan masa pemeriksaan kapal oleh ketua jurutera dalam mengenal pasti tahap keselamatan sebelum pelayaran. Dalam House of Lords, Lord Kinkel mendapati defendan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menjamin keselamatan pelayaran kapal dan telah menolak hujah menjadikan syarikat berkaitan bersalah kerana ayat-ayat dalam peruntukan sebenarnya memaksudkan kesalahan kepada individu sebenar yang terlibat dalam menjamin keselamatan sebelum belayar. Kes *British Steel Plc* seterusnya telah dikritik dalam kertas Law Commission No 237 (House of Commons 1996), yang mencadangkan sekiranya syarikat telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam tugas berhati-hati, adalah tidak adil untuk mahkamah mengenakan liabiliti jenayah membunuh kepada syarikat bagi kesalahan yang dilakukan oleh pekerja.

Di Malaysia, aplikasi teori vikarius dapat dilihat melalui penghakiman Majlis Privi dalam kes *Pendakwa Raya lwn Teck Guan Co Ltd.* [1971] 2 All. ER. 127 Dalam

perbicaraan awal, syarikat didakwa di bawah seksyen 30 Enakmen Hutan Sabah 1968 kerana pemilikan 13 log yang mengandungi tanda tukul, yang merupakan harta intelek yang dimiliki oleh beberapa syarikat lain, tanpa apa-apa kuasa yang sah atau hak undang-undang. Dalam mahkamah majistret, personaliti korporat itu telah dibebaskan kerana kesalahan itu memerlukan pengetahuan dan bukan setakat pemilikan semata-mata di pihak tertuduh yang juga pertubuhan personaliti korporat. Kemudian, syarikat tertuduh telah dibebaskan selepas rayuan. Selaras dengan prinsip liabiliti vikarius, hujah yang dibawa ialah syarikat induk tidak bertanggungjawab atas perbuatan subjeknya yang dilakukan di luar bidang kuasa dan tanpa pengetahuan syarikat induk.

PRINSIP IDENTIFIKASI

“Prinsip identifikasi” secara literal merujuk kepada mereka yang boleh dikenal pasti sebagai memiliki minda dan hasrat sesebuah personaliti korporat. Prinsip ini diterima pakai dengan hujah bahawa pengetahuan orang-orang tertentu yang dikaitkan dengan personaliti korporat adalah juga orang-orang yang diamanahkan dengan kuasa menjalankan urusan personaliti korporat itu. Mahkamah merujuk kepada ‘prinsip identifikasi’ untuk menyelesaikan masalah bagaimana liabiliti bagi apa-apa kesalahan boleh dikaitkan dengan syarikat; dan di sini teori “minda mengarah” digunakan.

Prinsip ini menimbulkan masalah yang unik dan tersendiri dari segi amalannya. Prinsip ini berperanan dengan baik dalam keadaan di mana sebuah syarikat kecil berada di bawah kawalan segelintir pengarah. Sebelum syarikat itu boleh disabitkan atas suatu perbuatan jenayah, seorang individu yang boleh “dikenal pasti sebagai penjelmaan syarikat” mesti dibuktikan dirinya telah bersalah atas apa-apa jenayah. Prinsip ini juga dirujuk sebagai teori minda mengarah seperti yang dilihat dalam kes *Tesco lwn Natrass* [1971] 2 All ER 127. Kaedah ini dianggap sebagai kaedah yang lebih konsisten untuk tujuan pengenalan liabiliti jenayah kepada syarikat. *Mens rea* bergantung kepada kerosakan sebenar yang disebabkan oleh tindakan ejen sesebuah personaliti korporat dan disokong oleh sejumlah maklumat yang mencukupi yang wujud dalam personaliti korporat itu.

Kes yang dilaporkan di Malaysia yang mengenakan liabiliti jenayah kepada personaliti korporat secara langsung adalah sedikit. Hakikat bahawa hanya sebilangan kecil rayuan dibuat ke mahkamah yang lebih tinggi, di mana kes-kes mungkin dilaporkan adalah sebab yang mungkin (Mohd Ali 2008). Persoalan penting undang-undang berkisar sama ada suatu personaliti korporat tertentu ialah pihak yang sesuai untuk didakwa sebagai orang kena tuduh; atau sama ada personaliti korporat melakukan sesuatu perbuatan itu tanpa niat jenayah. Soalan ini pernah dibangkitkan dalam sebilangan kecil kes sahaja di Malaysia. Mahkamah Persekutuan pada tahun 1973 berpeluang untuk mempertimbangkan soalan

undang-undang ini dalam kes *Yue Sang Cheong Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya* [1973] 2 MLJ. 77. Pertuduhan terhadap personaliti korporat dibuat di bawah seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967 iaitu dengan sengaja memiliki 18 gula batu import pada 17 Ogos 1970 yang dilarang di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1969. Antara isu-isu utama adalah sama ada sebuah personaliti korporat boleh diputuskan bersalah atas suatu kesalahan jenayah tanpa bukti wujudnya *mens rea* pada ejen atau pegawai-pegawainya. Sebagai alternatif, bolehkah pengetahuan ejen atau pegawai personaliti korporat itu dikaitkan dengan personaliti korporat? Personaliti korporat yang kena tuduh itu diputuskan tidak bersalah. Ini berdasarkan kepada fakta bahawa perkataan “sedar” dalam seksyen 135 (1) (d) memerlukan *mens rea* dibuktikan sebelum tertuduh didapati bersalah. Persoalan tentang bagaimana pengesahan *mens rea* seseorang menjadi milik personaliti korporat boleh dibuat atau sebaliknya telah dijawab dengan mengikut *Tesco Supermarket Ltd lwn Natrass* [1971] 2 All ER. 127. Seorang pembantu kedai telah membiarkan maklumat harga dipaparkan secara mengelirukan kerana dia gagal mengemas kini harga bagi stok item yang telah diberikan diskaun. Pengurus gagal untuk memeriksa kedudukan ini. Syarikat itu telah disabitkan atas suatu pelanggaran undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Perihal Dagangan UK 1968 (*Trade Descriptions Act 1968*), tetapi keputusan itu telah ditolak oleh House of Lords. Teori minda mengarah telah diterima dan pembantu kedai bukanlah seorang yang dengan mindanya mengawal sebuah syarikat yang memiliki banyak pasar raya lain. Lord Diplock dalam penghakimannya berkata,

“Pada pandangan saya, sehubungan itu, mengenai soalan: apa yang membuatkan orang biasa dianggap dalam undang-undang sebagai syarikat dengan merujuk kepada perbuatan yang dilakukannya dalam perniagaan, termasuk pengambilan langkah berjaga-jaga dan menjalankan usaha yang wajar untuk mengelakkan perlakuan apa-apa kesalahan jenayah, boleh didapati dengan mengenal pasti mereka dari kalangan orang biasa melalui memorandum dan artikel persatuan atau akibat daripada tindakan diambil oleh para pengarah, atau oleh syarikat itu yang secara umum mengikut artikel, diamanahkan dengan perjalanan kuasa syarikat itu.”

Pada dasarnya, untuk sesebuah personaliti korporat menjadi bertanggung, skop kesalahannya tidak boleh diperluaskan kepada pengkhianatan, feloni, sumpah palsu atau jenayah yang melibatkan keganasan peribadi, rusuhan atau serangan, kerana perbuatan seumpama ini mengikut Lord Denman CJ dalam kes *Great North England Railway Co* (1846) 9 QB 315;. “sifatnya datang daripada minda yang korup oleh manusia yang melakukan perbuatan itu, dan merupakan pelanggaran kewajipan sosial terhadap orang lain dan orang bawahannya.” Lihat juga *Birmingham & Gloucester Railway Co* (1842) 3 QB 223.

Pendekatan menggunakan minda mengarah ini sangat sesuai, berfungsi untuk kes-kes yang melibatkan syarikat-syarikat kecil di mana terdapat hanya beberapa orang

pemegang saham/ pengarah syarikat. Minda mengarah bagi sesebuah personaliti korporat dalam keadaan tertentu boleh beralih kepada seseorang yang sebenar yang melakukan jenayah itu termasuk pekerja bawahan jika orang itu mempunyai kawalan yang mencukupi ke atas syarikat melalui perbuatan atau kecuaiannya yang membawa kepada jenayah itu. Lihat *Tesco lwn Natrass* [1971] 2 All ER. 127; *Att.-Gen Rujukan (No.2 tahun 1999)* [2000] 3 All ER 182; dan *P & O Ferries Europe (Dover) Ltd* (1991) 93 Cr. App. R 72.

Kes *Yue Sang Cheong* telah diikuti dan disahkan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Kedah & Perlis Ferry Service Sdn Bhd.* [1978] 2 MLJ 221, di mana personaliti korporat itu telah dituduh atas satu kesalahan dengan sengaja memiliki barang yang tidak berbayar duti kastamnya di bawah seksyen 135(1) Akta Kastam 1967. Feri milik syarikat telah dihantar untuk kerja-kerja pembaikan di Singapura, di mana beberapa peralatan baharu, termasuk enjin, telah dipasang. Mahkamah memutuskan syarikat itu tidak bersalah kerana pegawai dan ejen tidak mempunyai pengetahuan bahawa barang-barang itu tidak berbayar duti kastamnya.

Persoalan undang-undang ini pernah ditimbulkan dalam kes tahun 1930-an iaitu *Raub Australian Gold Mining Co Ltd lwn Pendakwa Raya* [1936] 1 MLJ 155. Kesalahan ini adalah di bawah peraturan 27 dan peraturan 4 Enakmen Perlombongan 1928, di mana personaliti korporat itu didakwa kerana kegagalan untuk mengekalkan pembakaran sejumlah lampu stesen yang mencukupi. Personaliti korporat itu telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Majistret. Semasa rayuan, hujah-hujah dalam pembelaan termasuk, antara lain, bahawa pernyataan “mana-mana orang yang bersalah” di bawah peraturan 4 Enakmen tidak termasuk pertubuhan personaliti korporat. Hujah yang dibawa ialah tidak munasabah bagi kesalahan di bawah peraturan 27 ditambah dengan peraturan 4 untuk tidak memerlukan *mens rea* dan menyebabkan keadaan di mana sebaik sahaja kejadian yang menjadi kesalahan berlaku tiada pembelaan boleh didapati. Ia juga berhujah bahawa peraturan 27 tidak terpakai bagi suatu personaliti korporat kerana peraturan memerlukan tindakan fizikal dan personaliti korporat tidak berupaya untuk bertindak secara fizikal.

Mahkamah telah menolak semua hujah mahkamah terdahulu. Dengan memetik Enakmen Tafsiran Fasal tahun 1932, Thomas C.J. menyatakan bahawa seseorang termasuklah, “mana-mana syarikat atau persatuan atau kumpulan individu sama ada diperbadankan atau tidak.” Walau bagaimanapun, Thomas C.J. telah membuat kesimpulan bahawa adalah tidak munasabah dan tidak pasti untuk satu peraturan seperti di bawah peraturan 27 yang terpakai kepada individu digunakan kepada personaliti korporat. Walau bagaimanapun perlu diambil perhatian bahawa kebanyakan kes di atas diputuskan bergantung kepada tafsiran tertentu kepada peruntukan berkanun yang berkenaan. Kes-kes itu sebenarnya tidak menjelaskan apa-apa prinsip yang boleh digunakan untuk tujuan atribusi yang mewajarkan suatu tuduhan jenayah

secara langsung dibuat kepada sebuah personaliti korporat yang boleh berfungsi sebagai panduan untuk kes-kes yang akan datang.

LIABILITI JENAYAH KORPORAT DI BAWAH PELBAGAI PERUNTUKAN BERKANUN

Terdapat banyak peruntukan undang-undang bertulis yang boleh mengaitkan personaliti korporat sebagai tertuduh dan pesalah. Kes-kes ini kebanyakannya berakhir dengan pembayaran kompaun. Jenayah boleh terjadi mengikut pelbagai perkara termasuk alam sekitar, liabiliti produk, kacau ganggu awam, buruh, penjagaan kesihatan, dan lain-lain, yang kesalahannya mungkin sewajarnya dikaitkan dengan personaliti korporat yang berkenaan. Peruntukan berkanun boleh bertujuan mengenakan liabiliti ke atas syarikat-syarikat secara langsung dan ketat di mana undang-undang jenayah sering merujuk kepada perbuatan atau peninggalan yang dilakukan oleh “mana-mana orang” dan perkataan “orang” secara umumnya ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1967 sebagai bererti termasuk satu orang yang merupakan sebuah ‘badan korporat atau yang tidak diperbadankan’, ia juga terbuka, sekurang-kurangnya dalam teori, untuk pendakwa raya membawa pendakwaan jenayah terhadap mana-mana pertubuhan personaliti korporat. Kedudukan ini digambarkan oleh majoriti kes yang dilaporkan di Malaysia di mana penguatkuasaan undang-undang berkanun dilaksanakan.

Banyak contoh personaliti korporat mungkin didakwa di bawah pelbagai peruntukan Akta Pasaran dan Perkhidmatan Modal 2007. Adalah mungkin untuk menjadikan personaliti korporat sebagai pesalah di bawah seksyen 58 dan seksyen 59 berkaitan dengan ketidakpatuhan keperluan lesen perkhidmatan pasaran modal. Begitu juga, suatu personaliti korporat juga mungkin bertanggungjawab sebagai pesalah di bawah Bahagian V untuk pelbagai jenayah yang berkaitan dengan kelakuan yang dilarang semasa berurusan dengan sekuriti, termasuk yang diperuntukkan di bawah seksyen 176: manipulasi pasaran saham; seksyen 177: pernyataan palsu atau mengelirukan; seksyen 178: mendorong orang menipu untuk berurusan dalam sekuriti; seksyen 179: penggunaan peranti manipulatif dan menipu; seksyen 181: penyebaran maklumat mengenai transaksi haram; dan orang-orang yang diperuntukkan di bawah seksyen 188 bagi kesalahan berhubungan dengan perdagangan orang dalam.

Selain itu, tuduhan jenayah boleh dibuat terhadap personaliti korporat bagi ketidakpatuhan peruntukan berkanun termasuk yang dibuat di bawah statut Malaysia seperti Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; Akta Kumpulan Wang Pekerja 1991; Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Makanan 1983; dan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Kes-kes berkaitan kebanyakannya berakhir dengan pembayaran kompaun oleh pesalah untuk kegagalan mereka mematuhi kehendak statut. Walaupun kes tersebut

dibawa ke mahkamah, kes itu akan berakhir dengan sabitan ke atas pesalah di Mahkamah Majistret atau mana-mana mahkamah rendah, dan jika disabitkan kesalahan, sejumlah denda akan dikenakan.

Laporan pendakwaan dan sabitan yang melibatkan personaliti korporat jarang diletakkan dalam laporan kes. Kemungkinan ini adalah disebabkan sangat sedikit syarikat yang bersedia untuk meneruskan perbicaraan jenayah dalam kes-kes di mana tuduhan jenayah dibawa terhadap mereka. Untuk kebanyakan kes, syarikat-syarikat hanya mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu. Hanya segelintir kes yang dilaporkan boleh didapati, contohnya *Pendakwa Raya lwn Syarikat Tekala Sdn Bhd* [2007] 6 MLJ 500, yang berkenaan seksyen 43(2) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, iaitu yang berkaitan dengan kegagalan oleh majikan untuk membayar caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berkenaan dengan seorang pekerja atau bagi pihak seorang pekerja. *Repro Holdings Bhd lwn Pendakwa Raya* [1997] 3 MLJ 681 ialah kes mengenai pelanggaran seksyen 86 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan boleh dihukum di bawah seksyen 91 Akta yang sama. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada permasalahan teknikal, pendakwaan dalam kedua-dua kes tidak berjaya atas alasan undang-undang perlembagaan bahawa mana-mana pendakwaan hanya boleh dibawa oleh Pendakwa Raya dan bukan oleh badan-badan kawal selia terlibat. Semenjak itu, badan-badan pengawal selia tidak lagi membawa sendiri kes jenayah bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang. Terdapat kes yang dilaporkan berhubung kesalahan yang juga disediakan di bawah pelbagai undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan di tempat kerja. Syarikat sebagai majikan perlu mematuhi sistem munasabah demi memastikan suasana selamat bekerja seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kilang dan Operasi Jentera Bangunan dan Peraturan Kerja-kerja Pembinaan Kejuruteraan (Keselamatan) 1986, dan peraturan-peraturan yang berkaitan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) 1970.

Keperluan timbul dari sudut mengatur strategi untuk memilih sama ada pengarah, kakitangan atau personaliti korporat itu sendiri sebagai sasaran pendakwaan, atau siapakah antara mereka ialah pihak yang lebih sesuai untuk dijadikan sebagai tertuduh untuk tujuan pendakwaan. Dalam beberapa kes, kedua-dua kakitangan dan personaliti korporat bertanggungjawab secara bersama atau berasingan. Contohnya, seksyen 87 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 memperuntukkan:

“Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu persatuan orang, seseorang –

- (a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau
- (b) yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya, pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar

dilakukannya untuk mencegah pelakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan.”

Pendekatan dan ungkapan yang sama boleh dilihat di bawah seksyen 46 dan seksyen 69 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, seksyen 35 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952, seksyen 244 Akta Multimedia dan Komunikasi, 1998, seksyen 41 (4) Akta Hak Cipta 1987, seksyen 119A Akta Pengangkutan Jalan 1997 dan seksyen 18 Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sementara itu, satu cadangan telah dibuat pada tahun 2014 agar pindaan untuk menjadikan syarikat-syarikat bertanggungjawab terhadap rasuah yang perlanggarannya dilakukan oleh pekerja mereka. Pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 pernah dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen untuk turut memasukkan undang-undang liabiliti korporat syarikat-syarikat supaya pencegahan sistem, latihan, pendidikan dan panduan melarang rasuah diletakkan secukupnya dalam pengurusan syarikat (Low 2014). Walau bagaimanapun, status perkara ini sehingga kini masih tinggal cadangan.

Syarikat seharusnya mempunyai dasar korporat dalaman yang komprehensif bertujuan untuk mencegah rasuah dalam syarikat. Ia adalah demi kepentingan kedua-dua sektor awam dan swasta untuk mematuhi dengan piawaian antarabangsa. Syarikat-syarikat yang tidak terlibat dalam rasuah yang lebih cekap, menghasilkan produk yang lebih baik dan lebih berdaya saing. (Securities Commission 2017) Oleh sebab pihak penggubal undang-undang boleh meletakkan liabiliti kesalahan jenayah kepada personaliti korporat, maka terdapat keperluan untuk menilai kesesuaian undang-undang dengan mengenal pasti standard sebelum liabiliti jenayah yang dikenakan kepada suatu pertubuhan personaliti korporat. Standard ini boleh terdiri daripada liabiliti ketat, *mens rea* atau kecuai melampau. Satu kajian diperlukan untuk mengenal pasti jenis kesalahan yang perlu dikenakan hukuman berdasarkan hubungan antara personaliti korporat itu dan mangsa.

MENGAPA KEBOLEHSALAHAN PERIBADI?

Seperti yang dibincangkan di atas, strategi utama pihak pendakwaan adalah menasarkannya kepada pegawai atau kakitangan termasuk pengarah dan bukan kepada personaliti korporat itu sendiri. Terdapat banyak sebab yang menyokong pendekatan ini (Clarkson 1998) antara lain, adalah:

1. Individu-individu boleh berasa lebih terkesan kerana khawatir kepada pendakwaan dan kehilangan pekerjaan;
2. Sesuatu kesalahan itu adalah disebabkan atau dilakukan oleh individu tertentu dalam personaliti korporat itu;
3. Individu ialah orang-orang yang menjalankan perniagaan, dan mereka ialah orang-orang yang bertanggungjawab menjalankan apa-apa

penambahbaikan kepada amalan kerja yang berkaitan.

MENGAPA KEBOLEHSALAHAN KORPORAT?

Liabiliti jenayah korporat sesuai untuk dikembangkan dan diperkukuhkan aplikasinya berdasarkan kepada hujah-hujah yang berikut:

Stigma Sebagai Pesalah Boleh Menjana Kesan Pencegahan yang Lebih Baik Personaliti korporat sebagai pengeluar, penghuni, operator, majikan dan lain-lain mungkin perlu mengambil kira risiko pendakwaan dengan serius. Personaliti korporat perlu mematuhi standard tugas berhati-hati yang tinggi yang mencukupi untuk memastikan keselamatan orang-orang yang mungkin terjejas semasa mereka menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Pendakwaan dan sabitan mempunyai kesan serius kepada nama baik dan reputasi personaliti korporat yang terlibat. Selanjutnya, hukuman dan jumlah denda yang dikenakan boleh menjadi tidak bertanggungjawab dan terlalu mahal bagi sebuah personaliti korporat untuk menanggungnya.

Tanggungjawab bagi Sesuatu Tindakan Korporat Adalah Bukan Bersifat Peribadi Seringkali berlaku di mana orang yang kena tuduh dalam kalangan pegawai atau kakitangan terpilih tidak semestinya sasaran yang sesuai untuk tujuan pendakwaan. Kedudukan ini mungkin berlaku di mana tiada individu dalam personaliti korporat itu yang benar-benar cukup bersalah. Sebagai contoh, adalah amat sukar untuk mengenal pasti individu-individu tertentu untuk dikaitkan bagi suatu kesalahan terutamanya di mana bahaya yang disebabkan perlakuan kesalahan tersebut adalah kesan suatu peninggalan atau di mana sistem tempat berlakunya kesalahan itu ada menghadapi kekurangan atau kecacatan. Kemungkinan lain adalah apabila personaliti korporat beroperasi jauh di bawah standard yang secara munasabah boleh dijangkakan daripadanya. Personaliti korporat wajar dijadikan sasaran pendakwaan yang sesuai, terutamanya jika kesalahan itu dianggap bersifat organisasi.

Syarikat ialah Penanggung Kos yang Sesuai untuk Kesalahan Korporat Cara terbaik adalah untuk mengenakan liabiliti jenayah terhadap personaliti korporat yang berkenaan jika tidak ada orang sebenar tertentu yang boleh dikenal pasti dan dikaitkan untuk tindakan salah yang berkaitan. Oleh itu, menjadikan personaliti korporat sebagai sasaran pendakwaan adalah satu cara untuk menunjukkan tanggungjawab korporat bagi kesalahan itu. Apabila penalti kewangan mungkin terlibat, wang syarikat yang merupakan modal atau hasil keuntungan perniagaan memang wajar diambil. Denda ialah cara yang paling berkesan untuk mengurangkan jenayah dilakukan oleh syarikat kerana kebanyakan jenayah korporat adalah didorong oleh motif keuntungan personaliti korporat terbabit.

Mangsa Boleh Mendapati Dirinya Tidak Berdaya untuk Menuntut Remedi Mengambil tindakan sivil sentiasa menjadi satu opsi kepada mangsa-mangsa jenayah

atau saudara-mara mereka. Walau bagaimanapun, mereka mungkin akan menghadapi cabaran. Mangsa mungkin salah satu daripada ramai mangsa lain yang terlibat dalam suatu kemalangan angkara tindakan personaliti korporat. Si mangsa perlu membuktikan satu kes yang baik yang memerlukan sokongan dari segi kos guaman dan penyiasatan untuk mendapatkan bukti yang cukup. Kemungkinan si mangsa akan berdepan dengan kesukaran untuk mengendalikan penyiasatan yang berkesan ataupun mengumpul atau memperoleh bukti berkaitan. Suatu sabitan hasil daripada penyiasatan yang berkesan melalui kuasa dan jalan pendakwaan boleh membantu si mangsa menuntut remedi yang sewajarnya daripada syarikat, sebagai pihak yang sebenarnya wajar bertanggungjawab.

Pendek kata, kesan pencegahan oleh liabiliti jenayah boleh menyebabkan syarikat dan pegawainya menjadi lebih berhati-hati untuk mematuhi kewajipan mereka terhadap para pemegang kepentingan dan orang awam secara amnya. Mangsa atau saudara-mara mereka akan mendapati bahawa tuntutan dan hak-hak mereka akan diuruskan dengan lebih lancar susulan daripada sabitan terdahulu pihak pendakwa dan mereka boleh mendapatkan pampasan daripada sebahagian dana milik syarikat.

MASALAH DAN HALANGAN KONSEPTUAL PENGANAAN LIABILITI JENAYAH KORPORAT

Konsep liabiliti jenayah korporat tidak diiktiraf sewajarnya di Malaysia. Terdapat banyak penguatkuasaan dibuat terhadap personaliti korporat untuk pelanggaran di bawah pelbagai undang-undang. Walau bagaimanapun, analisis terperinci ke atas penggunaan konsep adalah terhad kepada kes-kes berkaitan pematuhan terhadap peruntukan berkanun yang diperlukan. Seperti yang dibincangkan di atas, penggunaan konsep liabiliti jenayah korporat dalam keputusan kes-kes dilemahkan oleh aplikasi terhad prinsip identifikasi itu sendiri. Prinsip identifikasi menguasai pertimbangan asas bagi kes-kes di Malaysia. Kelemahan dalam penerimaan pakai prinsip ini telah menyebabkan banyak kes yang diputuskan, seperti yang dilihat melalui kes undang-undang di Malaysia yang dibincangkan di atas, tidak memihak kepada mangsa-mangsa (Mohd Ali 2008).

Pada masa yang sama, jenayah bunuh korporat ialah idea yang radikal yang mungkin tidak mudah diterima. Berikut ialah beberapa masalah konseptual dan praktikal yang membelenggu penerimaan konsep liabiliti jenayah korporat umumnya dan jenayah bunuh korporat secara khusus yang perlu diambil perhatian. Menurut Miester (1990):

Masalah sebenar adalah mengenai prinsip identifikasi itu sendiri. Sebuah syarikat tidak mempunyai jiwa atau kewujudan fizikal untuk membolehkannya memiliki *mens rea* dan *actus reus* yang perlu dibuktikan sebelum ia melakukan jenayah sebagaimana yang didakwa terhadapnya. Oleh kerana ia tidak mempunyai jiwa

dan kewujudan fizikal yang tersendiri, ia hanya boleh bertindak melalui ejen orang, selalunya terdiri daripada kalangan mereka yang bukan memegang kuasa kawalan ke atas syarikat itu atau bukan memiliki minda mengarah bagi personaliti korporat itu. Perbincangan di atas telah menunjukkan kelemahan konsep itu, yang menunjukkan bahawa sebagai akibatnya, sebarang tuduhan jenayah terhadap syarikat itu adalah secara intrinsik palsu dan cacat. Seterusnya, jika personaliti korporat itu dituduh melakukan jenayah, pelaksanaan hak-hak asasi syarikat tertuduh dalam pembelaan menjadi suatu yang mengelirukan kerana syarikat itu mempertahankan dirinya untuk kesalahan yang dilakukan oleh orang lain.

Di samping itu, setiap kali pertuduhan dibuat terhadap suatu pertubuhan personaliti korporat, pelaku tidak semestinya orang yang akan menjawab tuduhan. Para pengarah biasanya ialah orang-orang yang akan berhadapan dengan tuduhan. Jika personaliti korporat adalah kecil, contohnya sebuah syarikat sendirian yang dikecualikan, pengarah ialah orang yang terbaik untuk berurusan dengan pendakwaan kerana mereka yang paling mungkin memiliki minda mengarah bagi personaliti korporat itu. Selalunya, perjalanan fungsi-fungsi tertentu dalam personaliti korporat adalah diserahkan kepada pekerja yang bertindak mungkin juga di luar kawalan pengarah. Berlakunya jenayah yang dilakukan oleh pekerja-pekerja yang berada dalam kawalan syarikat mungkin mempunyai beberapa pengaruh ke atas tindakan yang dilakukan tetapi tidak cukup patut untuk dipersalahkan kerana perbuatan itu mungkin hanya boleh dikaitkan kepada syarikat itu. Dengan merujuk kepada konsep liabiliti vikarius, syarikat itu hanya boleh bertindak melalui ejen orang. Ejen itu boleh menjadi salah satu yang hampir tidak mempunyai kawalan penting ke atas perjalanan hal ehwal korporat tetapi cukup untuk menyebabkan berlakunya jenayah yang dilakukan dalam skop aktiviti korporat itu untuk mengaitkan syarikat itu secara keseluruhannya untuk kebolehsalahan itu. Pengalaman di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa keputusan oleh para juri boleh dipengaruhi oleh persepsi bahawa pengurus tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan jenayah yang dilakukan demikian. Beberapa pengulas berhujah bahawa keputusan itu boleh dipengaruhi oleh cara para pengarah syarikat tertuduh berkelakuan, contohnya cara berpakaian semasa perbicaraan yang memberikan tanggapan tidak bersalah. Juga dirujuk sebagai proses "*jury nullification*." (Miester 1990).

Masalah mengenai sekatan. Mengenakan sekatan atau menarik balik lesen mungkin hukuman yang sesuai dikenakan terhadap personaliti korporat. Walau bagaimanapun, kesannya mungkin secara langsung tidak dirasakan oleh syarikat. Sekatan ini pada mulanya disasarkan kepada syarikat itu sebagai pesalah. Apabila suatu pertuduhan dirangka terhadap syarikat itu, masalah sentiasa berkisar isu-isu identifikasi, iaitu kepada siapa kebolehsalahan jenayah yang dilakukan perlu dikaitkan. Syarikat itu didakwa mungkin sebagai satu jalan mudah apabila kesalahan dilakukan tidak boleh dikaitkan dengan

mana-mana individu tertentu dalam syarikat. Sebagai sebuah syarikat yang bukan orang, cara biasa bagaimana keadilan boleh dilakukan terhadapnya adalah melalui denda. Adalah dikatakan bahawa denda ialah cara yang paling berkesan untuk menghalang jenayah dilakukan oleh syarikat itu kerana kebanyakan jenayah adalah didorong oleh motif keuntungan. Pada masa yang sama, syarikat itu masih boleh meneruskan perniagaannya walaupun selepas pertuduhan berjaya dibuat dan syarikat telah disabitkan bagi kesalahan tertentu. Hujah sokongan untuk mengenakan syarikat dengan liabiliti jenayah ialah syarikat itu wajar disalahkan kerana sistem dalaman yang membolehkan sesuatu kejadian jenayah berlaku. Ini seolah-olah menunjukkan kesan tujuan sekatan tersebut berjaya disasarkan kepada syarikat itu sebagai pesalah.

Malangnya, kesan di atas tidak semestinya begitu. Kesan-kesan seperti sekatan mungkin juga mengenai pihak-pihak yang tidak bersalah lain. Sekatan boleh dikelaskan sama ada syarikat itu boleh bertolak ansur atau serap; atau syarikat itu tidak mampu menanggung kos (Miestter 1990). Sanksi yang berkenaan boleh diterima jika syarikat itu mampu menyerap beban. Syarikat itu mempunyai kelebihan dari segi masa kerana syarikat memang arif untuk membangunkan cara-cara bagaimana mereka boleh mengalih beban sekatan kepada pengguna. Pengguna ialah pengguna akhir yang akan membayar harga barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat itu termasuk kos tersembunyi yang berupa denda. Sebaliknya, syarikat itu mungkin tidak cukup kuat untuk menyerap beban denda. Dari satu sudut, kelihatan bahawa syarikat itu telah mengalami kesan sekatan yang dikenakan terhadapnya. Syarikat itu boleh mengalami reputasi buruk, keuntungan yang lebih rendah dan kesan berbangkit mungkin termasuk pemberhentian pekerja beramai-ramai. Mengenakan liabiliti jenayah boleh dijelaskan sebagai satu cara berkesan untuk menghalang berlakunya jenayah akan datang. Walau bagaimanapun, masalah berbangkit boleh melewati entiti syarikat, melibatkan pihak-pihak yang tidak bersalah dan diperluaskan kepada masyarakat umum seperti yang dilihat menerusi pemberhentian pekerja. Masyarakat pula akan dinafikan sumbangan strategik daripada syarikat dari segi cukai dan produk yang berkualiti atau perkhidmatan syarikat. (Todarello 2003; Fisse & Braithwaite 1993 & Davis J. Reilly 1988)

Masalah identifikasi seperti yang dibincangkan di atas mungkin membawa kesan yang tidak munasabah kerana kebanyakan hukuman akan ditanggung oleh mereka yang tidak bersalah di dalam atau di luar syarikat. Tujuan keadilan asasi adalah untuk melindungi tertuduh daripada dihukum sebelum peluang yang sewajarnya diberi kepada tertuduh untuk menyediakan pembelaannya. Walau bagaimanapun, jika tertuduh merupakan sebuah syarikat, hak keadilan asasi sepatutnya ditujukan bukan sahaja kepada syarikat itu sebagai tertuduh, tetapi semua mereka yang akan terlibat secara langsung dengan tuduhan yang dibuat terhadap syarikat itu. Dilema di atas adalah antara kelemahan intrinsik konsep jenayah korporat yang

akan sentiasa menyelubungi penerimaan konsep ini secara tuntas dari segi amalan. Perbincangan seterusnya akan melihat perkembangan berkaitan liabiliti jenayah korporat dan jenayah bunuh korporat di UK dan Australia.

PERUNDANGAN JENAYAH BUNUH KORPORAT DI UNITED KINGDOM DAN AUSTRALIA

Menggunakan kaedah identifikasi untuk mengenal pasti minda mengarah juga dikenali sebagai doktrin atribusi. Penerimaan doktrin atribusi untuk mendakwa syarikat atas suatu tuduhan jenayah, jika ditiadakan, mungkin boleh menawarkan penyelesaian untuk mensabitkan syarikat menjadi bertanggungjawab atas liabiliti jenayah termasuk membunuh. Pengajaran boleh diambil daripada statut yang mengenakan liabiliti korporat yang termasuk jenayah bunuh korporat seperti di UK dan Australia.

UNITED KINGDOM

Corporate Manslaughter and Corporate Homicide Act 2007, juga dikenali sebagai “*Corporate Killing Act*”, berkuat kuasa pada 6 April, 2008. Akta ini menghendaki elemen pelanggaran tugas yang besar yang menyebabkan cara aktiviti organisasi telah “berjaya atau yang dianjurkan oleh pengurusan kanannya.”

Juri boleh menimbang sama ada “sikap, dasar, sistem atau amalan yang diterima dalam organisasi” telah menggalakkan kegagalan untuk mematuhi standard kesihatan dan keselamatan. Keperluan untuk membuktikan kesalahan oleh minda mengarah syarikat telah ditiadakan seperti diperuntukkan di bawah seksyen 8(2) *Corporate Manslaughter and Corporate Homicide Act 2007*.

Di UK, menurut *Corporate Manslaughter and Corporate Homicide Act 2007*, pendakwaan bagi pembunuhan dibenarkan jika sesebuah organisasi termasuk sebuah personaliti korporat telah menyebabkan kematian seseorang yang diakibatkan oleh pelanggaran “melulu” terhadap kewajipan tertentu di bawah undang-undang kecuai. Untuk tujuan pengesahan, Akta 2007 ini menghendaki kewujudan elemen besar pelanggaran tugas yang melulu disebabkan oleh cara aktiviti organisasi telah “diurus atau yang dianjurkan oleh pengurusan kanannya.” Undang-undang ini diperkenal selepas satu siri kegelisahan awam disebabkan oleh kelemahan dalam meletakkan apa-apa kesalahan tertentu untuk jenayah bunuh korporat. Desakan ke arah pengenalan undang-undang ini meningkat dengan kegagalan berterusan untuk mendapatkan sabitan dalam kes-kes bencana berprofil tinggi dan berskala besar di UK yang memberi kesan kepada banyak nyawa yang tidak bersalah, termasuk tenggelamnya feri *The Herald of Free Enterprise* pada 6 Mac 1987, letupan di platform Piper Alpha, balai bomba King Cross dan beberapa kemalangan besar yang membabitkan kereta api. Kejadian-kejadian ini dirujuk sebagai justifikasi mengapa keperluan undang-undang jenayah bunuh korporat adalah perlu. Akta ini

memperuntukkan bahawa juri boleh menimbangkan sama ada “sikap, dasar, sistem atau amalan yang diterima dalam organisasi” telah menggalakkan kegagalan untuk mematuhi standard kesihatan dan keselamatan.

Sebelum ini, doktrin identifikasi memerlukan pembuktian *mens rea* di pihak personaliti korporat yang kena tuduh. Keperluan ini telah menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan sabitan terhadap personaliti korporat untuk dikenakan liabiliti bagi kesalahan jenayah terutamanya bagi kes jika berlakunya pembunuhan. Untuk mendapatkan sabitan, doktrin identifikasi memerlukan pegawai syarikat berkenaan mestilah dibuktikan, tanpa sebarang keraguan yang munasabah, telah melakukan pembunuhan berpunca daripada kecuaiannya yang melulu, dan pegawai itu dikenali sebagai ‘minda mengarah’ bagi personaliti korporat itu. Walau bagaimanapun, pendakwaan mengikut undang-undang di UK kini tidak lagi melihat elemen “minda mengarah” pegawai yang berkenaan lagi. Sebaliknya, undang-undang hanya mengambil kira ciri-ciri personaliti korporat seperti yang digambarkan dalam penekanan yang menyasarkan kaedah operasi dalam personaliti korporat itu.

Seperti yang dibincangkan di atas, di bawah undang-undang UK, pendakwaan akan ditujukan kepada personaliti korporat dan bukan individu. Walau bagaimanapun, personaliti korporat dan individu itu sendiri juga masih boleh didakwa kerana kesalahan berkaitan kesihatan dan keselamatan yang berasingan. Jumlah kes pembunuhan korporat yang dibawa oleh *Crown Prosecution Services* telah melonjak semenjak pengenalan Akta 2017 ini. Terdapat lebih 15 sabitan yang telah berjaya dibuat terhadap si tertuduh korporat sehingga November, 2016 (Captsticks 2017). Mengikut laporan *The Telegraph* pada 2013, kes *Cotswold Geotechnical* yang didenda £385,000 pada 15 Feb telah menjadi kes pertama si tertuduh korporat disabitkan di bawah undang-undang pembunuhan korporat baharu berikutan kematian seorang ahli geologi muda yang meninggal dunia apabila terperangkap ke dalam sebuah lubang yang runtuh (*The Telegraph* 2013)

AUSTRALIA

Sebagai perbandingan, konsep ‘budaya korporat’ telah diperkenalkan lebih awal oleh Suruhanjaya Undang-undang di Australia melalui *Criminal Code Act 1995*. ‘Budaya korporat’ sebagai satu peraturan atribusi bagi tindakan personaliti korporat telah diperkenalkan yang ketara bebas daripada pengaruh prinsip identifikasi. ‘Budaya korporat’ boleh didapati dalam ‘sikap, polisi, peraturan, tatacara atau amalan dalam personaliti korporat atau di bahagian personaliti korporat di mana kesalahan itu berlaku. Keterangan boleh membawa kepada dapatan bahawa peraturan tidak bertulis syarikat secara tersirat membenarkan ‘kuasa tidak mematuhi atau gagal untuk mewujudkan satu budaya pematuhan.’

Kanun Jenayah Australia menyatakan beberapa faktor yang berkaitan dalam menentukan sama ada budaya korporat yang tercemar wujud dalam personaliti korporat

itu. Seksyen 12.3(4) menyatakan bahawa faktor-faktor yang berkaitan termasuk:

1. Sama ada kuasa untuk melakukan sesuatu kesalahan yang sama atau perwatakan yang sama telah diberikan oleh ejen pengurusan yang tinggi dalam personaliti korporat itu; dan
2. Sama ada pekerja, ejen atau pegawai personaliti korporat yang melakukan kesalahan itu mempercayai atas alasan yang munasabah, atau dianggap dengan jangkaan yang munasabah, bahawa seorang ejen pengurusan yang tinggi personaliti korporat itu akan mengizinkan atau diizinkan perlakuan kesalahan itu.

Maka penerimaan konsep “budaya” ini bermakna syarikat itu masih boleh dikenakan liabiliti tanpa mengira sama ada syarikat itu mempunyai dasar sedia ada yang bertujuan untuk mencegah berlakunya kesalahan itu jika “budaya” secara keseluruhan sebenarnya menggalakkan berlakunya kesalahan itu. (Australian Law Reform Commission 1995; Hill 2003 & Belcher 2002). Tiada pendekatan atribusi digunakan iaitu tidak terdapat keperluan untuk menghubungkan antara kelakuan pengurus kanan dan cara organisasi diuruskan.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa jenayah bunuh korporat melalui pendekatan statut di UK dan Australia menawarkan contoh bagaimana untuk mengenakan liabiliti jenayah mungkin dibuat bagi pembunuhan yang berlaku di tempat kerja atau akibat daripada aktiviti korporat. Peruntukan statut memberikan satu bentuk pengabaian kepada doktrin identifikasi bagi tujuan atribusi yang menjadi kesukaran untuk menetapkan syarikat atas tuduhan jenayah khususnya pembunuhan.

KESIMPULAN

Konsep liabiliti jenayah korporat ini seperti yang telah dibincangkan menjurus kepada dapatan yang berikut:-

1. entiti syarikat sendiri sebagai suatu personaliti korporat berasingan boleh bertanggungjawab bagi sesuatu kesalahan jenayah, selain mereka yang mengarah personaliti korporat tersebut;
2. konsep liabiliti jenayah korporat masih tidak dihargai sepenuhnya dan digunakan di Malaysia; dan
3. penerimaan pakai konsep ini masih lagi menghadapi masalah dari segi konseptual mahupun amalan.

Pengenaan liabiliti jenayah boleh menyebabkan syarikat dan pegawainya menjadi lebih berhati-hati untuk mematuhi kewajipan mereka terhadap para pemegang kepentingan syarikat dan orang awam secara amnya. Dengan itu, liabiliti jenayah korporat mempunyai signifikansi yang tersendiri kerana ia boleh berfungsi sebagai mekanisme pemantauan dalam rangka kerja kawal selia korporat. Syarikat-syarikat perlu mengambil kira risiko kemungkinan pendakwaan dibuat ke atas mereka bagi kesalahan yang berpunca daripada mana-mana

keputusan atau tindakan dalam pengurusan. Masyarakat amnya juga akan mendapat manfaat kesan pencegahan akibat daripada pengenaan liabiliti jenayah korporat itu. Bagi para mangsa perbuatan jenayah oleh personaliti korporat, konsep ini akan membantu dalam menyediakan bantuan dan remedi kepada mangsa-mangsa dan keluarga mereka hasil daripada penyiasatan dan pendakwaan terhadap personaliti korporat itu. Konsep pemantauan ini juga akan menggalakkan syarikat menjalankan perniagaan mereka dengan semangat pematuhan tinggi untuk menjadi warganegara korporat yang cemerlang.

RUJUKAN

- Australian Law Reform Commission. 1995. *Australian Law Reform Commission in the Criminal Code Act 1995*. Canberra: Attorney General's Department.
- Belcher, A. 2002. Corporate killing as a corporate governance issue. *Corporate Governance: An International Review* 10(1): 47-54
- Bharara, P. 2007. Corporations cry uncle and their employees cry foul: Rethinking prosecutorial pressure on corporate defendants. *American Criminal Law Review* 44: 53-113.
- Capsticks. 2017. Corporate Manslaughter Update. Available at <http://www.capsticks.com/resources/news/read/553/corporate-manslaughter-update>.
- Clarkson, C.M.V. 1998. Corporate culpability. *Web Journal of Current Legal Issue* 2.
- Davis, J.R. 1988. Murder Inc.: The criminal liability of corporations for homicide. *Seton Hall Law Review* 18(2): 378-401.
- Miester, D.J. 1990. Criminal liability for corporations that kill. *Tulane Law Rev.* 64: 919-948.
- Fisse, B. & Braithwaite, J. 1993. *Corporations, Crime, and Accountability*. Cambridge: Press Syndicate of the University of Cambridge.
- Hasani, M.H. 2009. Corporate Killing for Malaysia: A Preliminary Consideration. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 13: 145-157.
- Halsbury's. 1954. *Halsbury's Laws of England*. 3rd edition. Vol. 6. Sydney: Butterworths.
- Hill, J. 2003. Corporate criminal liability in Australia: An evolving corporate governance technique. *Journal of Business Law*: 1-44.
- House of Commons. 1996. Law Commission No 237: Legislating the Criminal Code Involuntary Manslaughter. *Item 11 of the Sixth Programme of Law Reform: Criminal Law, HC 171*
- Telegraph. 2013. Corporate manslaughter cases. Available at <http://www.telegraph.co.uk/finance/financial-crime/9830480/Corporate-manslaughter-cases-rise.html>
- Securities Commission. 2017. *Malaysian Code on Corporate Governance*. Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia.
- Mohd Ali, H. 2008. A review of corporate criminal liability in Malaysia. *International Company and Commercial Law Review* 19(6): 192-199.
- Low, P. 2014. MACC to hold companies accountable for corrupt practices of its employees. Available at <http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/12/09/macc-companies-accountable>.
- Todarello, V. 2003. Corporations don't kill people. *New York Law School Journal of Human Rights* 19: 481.

Hasani Mohd Ali
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mail: hmohdali@ukm.edu.my